

PRU-13 akan guna dakwat kekal, kata SPR
The Malaysian Insider
19 Disember, 2011
Oleh Yow Hong Chieh

PUTRAJAYA, 19 Dis — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menggunakan dakwat kekal dalam pilihan raya umum ke-13 — memenuhi salah satu tuntutan Bersih 2.0.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Yusof berkata, contoh dakwat kekal yang akan digunakan telah pun dihantar ke Jabatan Kimia untuk tujuan pengesahan kandungan.

Laporan ujian dijangka akan diperoleh dalam tempoh seminggu.

“Ini keputusan SPR bagi pilihan raya umum akan datang, menggunakan dakwat kekal bagi mengelakkan pengundian berganda,” kata Aziz pada sidang media di sini hari ini.

Sebaik sahaja kandungannya disahkan, dakwat kekal akan dikemukakan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Majlis Fatwa Kebangsaan untuk tindakan susulan.

“Mereka akan memutuskan sama ada dakwat kekal itu tidak haram dan tidak menghalang Muslim daripada menunaikan solat atau menunaikan ibadah lain,” katanya lagi.

“Jika mereka mengisytiharkan haram, maka kami akan mencari sumber-sumber lain. Setakat kami tahu, ia digunakan dengan meluas oleh Muslim di negara-negara lain,” katanya lagi.

Kemudian katanya, dakwat kekal akan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan untuk disahkan bahawa ia selamat untuk digunakan.

Bagaimanapun Aziz enggan memberitahu sumber bekalan dakwat kekal itu diperoleh.

Beliau hanya berkata bahawa ia digunakan di negara-negara lain dan dalam pilihan raya-pilihan raya lain.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pru-13-akan-guna-dakwat-kekal-kata-spr/>